

07/09/1998

Tindakan Anwar guna agama mengelirukan

KOTA TINGGI, Ahad - Bekas Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan, Datuk Seri Anwar Ibrahim diingatkan tidak terus membakar perasaan rakyat dan mengambil tindakan yang tidak berasaskan kebenaran.

Ahli Majlis Tertinggi Umno, Datuk Seri Syed Hamid Albar, ketika memberi peringatan itu, berkata tindakan Anwar termasuk menggunakan agama untuk menafikan dakwaan yang dibuat terhadapnya serta mempersoalkan sistem keadilan yang pernah didukungnya dalam kerajaan, hanya akan mengelirukan rakyat.

Sambil menyifatkan tindakan bekas Timbalan Perdana Menteri itu sebagai 'tidak sayang kepada negara dan parti', beliau berkata, Anwar sepatutnya meletakkan kepentingan negara di depan dan membuktikan dengan hujah mencukupi di mahkamah untuk menangkis dakwaan terhadapnya.

Menurutnya, pemecatan Anwar bukan perkara baru, malah sebelum ini, beberapa pemimpin termasuk Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pernah disingkir daripada parti.

"Bila dia ambil tindakan itu...buat ucapan, apakah dia tidak sayang kepada negara dia dan Umno, parti yang telah mengambil dan meletakkan dia di suatu tempat yang begitu tinggi.

"Anwar sebagai Pengerusi Jawatankuasa Disiplin dulu pun banyak mengambil tindakan termasuk menyingkir dan menggantung keahlian seseorang, tetapi apabila orang itu membuat rayuan, ada yang Majlis Tertinggi masukkan balik.

"Ini masanya dia pula kena. Jadi dia kena tenang dan rela serta minta Tuhan berikan taufik dan hidayah supaya dia dapat melihat kepada perkara dan kedudukan yang ada sekarang.

"Dia kena terima bahawa dia juga adalah seorang yang telah melaksanakan hukum dan keadilan," katanya.

Beliau berkata demikian selepas menghadiri majlis pemimpin bersama rakyat anjuran Biro Penerangan Umno Bahagian Kota Tinggi di Felda Air Tawar II di sini, hari ini.

Mengulas lanjut tindakan kerajaan memecat Anwar, Syed Hamid yang juga Menteri Pertahanan, berkata tindakan itu dibuat berdasarkan fakta yang mencukupi.

Menurutnya, soal penganiayaan tidak berbangkit kerana fakta yang ada bukan tersembunyi malah diketahui oleh umum.

"Ia mempunyai implikasi dan kesan negatif kepada kesejahteraan kerajaan dan parti.

"Sebab itu, kita kena mengambil tindakan cepat dan pantas untuk menentukan negara dan parti selamat bagi membolehkan kita melaksanakan dasar ekonomi yang dapat mengeluarkan kita daripada keadaan kegawatan ekonomi ini," katanya.

(END)